

# **SUATU ANALISIS PENDEKATAN ABDULLAH NASIH ULWAN DALAM MENANGANI PENYELEWENGAN TERHADAP PENDIDIKAN ANAK-ANAK**

Abdul Munir Ismail Ismail & Mohd Noor Daud

Universiti Pendidikan Sultan Idris

## **ABSTRAK**

Kajian ini menghuraikan pendekatan Abdullah Nasih Ulwan dalam karya beliau "pendidikan anak-anak dalam Islam" dalam menangani penyelewengan anak-anak. Kajian ini dilakukan untuk mengkaji apakah kaedah atau pendekatan yang terbaik bagi menangani penyelewengan anak-anak memandangkan kes jenayah dan masalah sosial hari ini banyak melibatkan anak-anak yang masih muda terutama dalam kalangan remaja Islam. Kajian akan menyentuh karya Abdullah Nasih Ulwan, mengenai pendidikan anak-anak dalam Islam, punca penyelewengan dan kaedah mengatasinya. Dalam menghasilkan kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah perpustakaan dalam mencari maklumat atau bahan kajian. Kesimpulannya, punca penyelewengan dan pendekatan menanganinya sebagaimana diutarakan Abdullah Nasih Ulwan patut diberikan perhatian serius oleh semua pihak kerana ia sesuatu yang bukan sahaja bertolak dari ajaran al-Quran malah diperkuuhkan dengan realiti semasa.

### **Kata kunci:**

pengabaian, pendekatan, pendidikan anak-anak

## ***AN ANALYSIS OF ABDULLAH NASIH ULWAN'S APPROACH IN ADDRESSING MISUNDERSTANDING IN PARENTING***

*This study describes the approach of Abdullah Nasih Ulwān in his work "the education of children in Islam" in addressing delinquencies among children. The approaches assessed the method in addressing the children as delinquency and current social problems which involve young children, especially young Muslims. The study analyses the work of Abdullah Nasih Ulwan on the education of children in Islam, causes of children's delinquencies and methods to overcome them. Researchers used a qualitative approach, which is library research. In conclusion, the causes of*

*delinquencies and handling approaches as stated by Abdullah Nasih Ulwan should be given serious attention by all parties because it was derived from the teaching in the Quran and strengthened with the current reality.*

**Keywords:**

*neglect, approaches, education of children*

## PENGENALAN

Anak adalah amanah Allah yang dikurniakan kepada sesuatu pasangan dan kanak-kanak perlu dilindungi dalam apa jua bentuk daripada segala bahaya. Dari aspek perundangan kanak-kanak juga dilindungi oleh pelbagai akta. Antaranya Akta Kanak-Kanak 2001 (pindaan 1 Januari 2006) dan Akta ini diselaraskan bagi memenuhi tuntutan di bawah Konvensyen Hak-hak Terhadap Kanak-Kanak (CRC), di mana Artikel 19 CRC menyatakan pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil langkah-langkah bersesuaian untuk melindungi kanak-kanak daripada semua bentuk penganiayaan, penderaan, pengabaian dan keganasan, oleh ibubapa atau penjaga kanak-kanak. Melalui Akta Kanak-Kanak 2001 ini juga, kanak-kanak bukan sahaja perlu dilihat dari aspek undang-undang, tetapi ahli masyarakat hendaklah melindungi kanak-kanak daripada semua bentuk penyelewengan dan pengabaian pendidikan. Ini kerana anak-anak merupakan anugerah Allah SWT yang sangat bernilai dan juga anak merupakan satu ujian Allah SWT kepada kita. Dewasa ini, tidak dinafikan penyelewengan terhadap penjagaan dan pendidikan anak-anak adalah serius sehingga terlibat dengan masalah sosial yang tidak boleh dipandang ringan oleh semua pihak.

Rodziah Ismail (2014), menjelaskan pengabaian kepada kanak-kanak mungkin tidak meninggalkan parut, tetapi sebagai ibubapa atau penjaga seharusnya menjaga supaya tidak berlaku kerosakan emosi kepada kehidupan seseorang kanak-kanak. Pengabaian berlaku apabila ibu bapa atau penjaga dengan sengaja gagal untuk memenuhi keperluan fizikal dan emosi (daripada segi kesihatan, pendidikan, pembangunan emosi, khasiat pemakanan, tempat berteduh, dan keadaan tempat tinggal yang selamat), atau gagal melindunginya daripada bahaya. Meninggalkan seseorang kanak-kanak adalah bentuk pengabaian yang ekstrem, boleh membawa kepada kerosakan psikologi dan fizikal yang amat besar.

Menurut Kasmini Kassim (1998), keganasan terhadap kanak-kanak di Malaysia masih banyak tersembunyi hanya penderaan kanak-kanak

dan kisah pengabaian yang amat keterlaluan sahaja dilaporkan oleh akhbar tempatan. Antara bentuk dan peralatan yang boleh mendatangkan kecederaan ialah menggunakan tangan secara keterlaluan, dirotan, disebat, digigit, disimbah cecair panas, dicucuh dengan besi atau benda panas, puntung rokok atau ubat nyamuk, dirantai, diikat, dikurung, dikunci di dalam bilik atau rumah, ditumbuk, disepak, diterajang, dicubit, dikepit atau dipulas dan sebagainya. Mariani Mansor (2009), mengatakan kesan jangka pendek akibat keganasan tersebut menyebabkan kanak-kanak boleh mati mengejut atau cedera fizikal yang boleh dilihat parutnya. Lazimnya mangsa akan mengalami tekanan jiwa, gangguan emosi, dan mental atau proses pembesarannya. Pengabaian juga boleh membahayakan mental, semangat, moral dan pembangunan sosial seseorang kanak-kanak, dan menyumbang kepada penglibatan kanak-kanak kepada aktiviti bahaya seperti penyalahgunaan dadah dan aktiviti seksual pra-matang dan tanpa perlindungan.

Usaha keras perlu dilakukan bagi mengelak golongan ini terus melakukan kesilapan demi kesilapan. Seorang sarjana, Abdullah Nasih Ulwan dalam bukunya bertajuk *Tarbiyatul Awlad fi al-Islam* menggariskan punca penyelewengan terhadap pendidikan kanak-kanak dan kaedah mengatasinya. Buku asal dalam bahasa Arab ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu bertajuk *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam* membincangkan punca dan kaedah mengatasi penyelewengan pendidikan kanak-kanak.

## METODOLOGI

Dalam menghasilkan kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah kajian perpustakaan dalam mencari maklumat atau bahan kajian. Melalui teori-teori penyelewengan pendidikan terhadap kanak-kanak yang dikemukakan oleh para sarjana, pengkaji menganalisis dan seterusnya menyesuaikan dengan masalah semasa berkaitan isu di Malaysia. Sesuai dengan konsep pendidikan berdasarkan Islam, rujukan kepada Al-Quran dan hadis Nabi saw adalah panduan asas dalam kajian ini.

## TINJAUAN LITERATUR

Apakah faktor yang menyebabkan ibubapa atau penjaga serta masyarakat setempat tidak mengambil sikap peduli terhadap isu yang berlaku kepada

kanak-kanak? Bagi mengetahui secara lebih mendalam, kajian ini merujuk kepada para penulis buku dan menjelaskan sebagai berikut.

Syed Ahmad Semait (2006), menjelaskan kemiskinan yang meliputi sebahagian keluarga adalah punca berlaku penyelewengan terhadap pendidikan anak-anak. Keluarga adalah asas dan sumber kekuatan masyarakat. Ini kerana masyarakat itu terdiri dari unit-unit keluarga dan keluarga adalah laksana sel-sel yang membentuk tubuh. Abdul Karim (2010) menerangkan jika keluarga baik, nescaya masyarakat akan menjadi baik dan sebaliknya jika keluarga itu rosak maka masyarakat seluruhnya akan rosak.

Muhamed Abu Zahrah (1987), menjelaskan perkataan keluarga mempunyai pengertian yang luas dan terdapat sedikit perbezaan di antara keluarga dalam masyarakat Islam dan Barat. Perkataan keluarga dalam Islam mempunyai pengertian yang luas dan pengertiannya yang terdapat di dalam peraturan atau undang-undang keluarga yang lain. Ini kerana perkataan dalam Islam meliputi suami, isteri dan anak-anak yang merupakan hasil dari perkahwinan tersebut. Keluarga dapat melahirkan kesatuan dan kasih sayang hingga menjadi suatu ikatan bangsa dan agama. Allah SWT yang bermaksud: "Wahai manusia, Sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan, dan Kami jadikan kamu beberapa bangsa, supaya kamu mengenal antara satu sama lain" (Surah al-Hujurat : ayat 13).

Keluarga yang tidak dapat menyediakan keperluan hidup yang sempurna seperti makanan, pakaian, keselamatan dan tempat tinggal kepada anak-anaknya, maka terjadilah penyelewengan yang mana anak-anak biasanya akan keluar mencari rezeki sendiri akibat kesempitan hidup dan kemiskinan keluarganya. Ketika berada di luar, anak-anak berkemungkinan besar terdedah kepada keburukan dan terperangkap di tangan orang jahat.

## **Konflik dalam Rumahtangga**

Abdullah Nasih (2010), menerangkan konflik dalam sesebuah rumahtangga akan menyebabkan anak-anak merasa gelisah. Bagi pasangan yang sering menimbulkan kekacauan dalam rumahtangga, anak-anak akan menjadi mangsa penderaan ibu bapa yang bersikap bengis, menghadapi tekanan perasaan, tidak dapat belajar dengan tenteram dan terpaksa berhadapan dengan perbalahan di antara ibubapa mereka. Bagi anak-anak yang tinggal bersama ibu yang tidak bekerja, setelah bercerai ibu terpaksa keluar mencari pekerjaan dan anak-anak ditinggalkan bersama pengasuh. Bagi remaja yang

tinggal di bandar mereka akan menghabiskan masa dengan rakan-rakan di pasar raya kerana di rumah mereka terkongkong dan sunyi. Hasilnya akibat kurang perhatian daripada ibu bapa remaja ini mungkin akan terlibat dalam kancalah maksiat.

Mustafa (1989), menerangkan pembentukan kekeluargaan di dalam Islam dan Barat adalah berbeza. Islam mempunyai berbagai asas utama supaya keluarga wujud berlandaskan kepada Islam yang sebenar. Asas utama dalam institusi kekeluargaan Islam ialah aqidah, syariat dan akhlak. Ketiga-tiga unsur ini penting kerana institusi keluarga yang didirikan atas landasan di atas akan melahirkan sistem kekeluargaan yang suci, unggul, sempurna dan abadi. Hal ini berlawanan dalam pembentukan keluarga Barat. Ibubapa Barat tidak ditekankan perkara di atas. Menurut pendapat Husain 'Ali Turkamani (1994), keluarga adalah unit dasar dan unsur fundamental masyarakat, yang dengan itu kekuatan-kekuatan yang tertib dalam komuniti sosial dirancang dalam masyarakat.

Selain daripada itu, cinta dan kasih sayang di antara manusia juga merupakan asas perpaduan dan keharmonian hidup manusia di dunia ini. Islam menegaskan bahawa seandainya keharmonian dan keamanan tidak dapat diwujudkan maka institusi keluarga akan tergugat. Allah s.w.t. berfirman bermaksud: "Rendahkanlah sayap terhadap kedua ibu bapa kerana kasih sayang, dan katakanlah: "Wahai Tuhanku kasihanilah kedua ibubapaku sebagaimana mereka telah mendidik di waktu aku masih hidup" (Surah al-Isra', ayat 24).

Institusi keluarga yang baik berperanan untuk menjamin kebahagiaan hidup berumah tangga. Keluarga yang harmoni akan menjadikan kehidupan berkeluarga lebih mantap dan padu. Peranan ibubapa amat penting dalam memberi didikan yang sempurna kepada anak-anak terutamanya anak-anak remaja. Ini adalah kerana peranan ibubapa merupakan peringkat yang paling utama selain daripada peranan guru di sekolah. Anak-anak yang mendapat didikan sempurna di rumah lazimnya akan berfikir secara matang untuk melakukan kesalahan sama ada yang merosakkan dirinya atau melibatkan orang lain. Ini kerana pengaruh ibubapa dan suasana yang wujud di rumah akan mempengaruhi sikap dan tingkah laku mereka.

### Mangsa Perceraian

Norhayati Suardi (1994), menjelaskan masalah perceraian yang berlaku dalam kalangan suami isteri khususnya yang mempunyai anak-anak

merupakan punca berlakunya penyelewengan anak-anak. Setelah bercerai pula, bagi anak-anak yang sudah terbiasa tinggal dengan ibunya terpaksa meninggalkan anak mereka atau dibiarkan di rumah bagi yang remaja kerana untuk memberi ruang kepada si ibu mencari pekerjaan. Di sini dapat kita lihat mereka ditinggalkan tanpa jagaan dan pengawasan orang dewasa. Lagi pula mereka tidak mendapat kasih sayang dari bapanya dan juga perhatian dari ibu bapanya kerana siibu terpaksa mengambil alih tugas ayahnya selepas bercerai. Mereka akan cuba mencari makanan bagi menghilangkan lapar di luar sana. Situasi ini banyak kali di lihat kanak-kanak banyak yang terbiar dan rata-rata mereka pasti akan menghadapi kehancuran dan kesesatan serta jenayah dan penyelewengan.

### Masa Lapang Menguasai Kanak-kanak serta Remaja

Misran Rokimin (2001) mengatakan secara fitrahnya, kanak-kanak sejak lahir lagi amat berminat untuk bermain. Mereka sentiasa bergerak cergas, bermain dengan rakan sebaya, berkejar-kejar, memanjat, bersukan dan bermain-main berbagai-bagai permainan game melalui capaian internet, hanphone dan sebagainya. Dibimbangi jika tiada pemantauan daripada ibubapa, mereka tidak pandai mengurus waktu dengan betul serta mengabaikan masa belajar menyebabkan berada dalam kerugian. Para pendidik seharusnya memanfaatkan masa lapang mereka dengan menyediakan aktiviti-aktiviti yang boleh membawa kepada kesihatan jasmani, menguatkan anggota serta mencerdaskan badan mereka. Selain itu, membawa mereka ke tempat-tempat yang selamat untuk mengisi masa lapang mereka seperti kelab latihan jasmani, tapak perkelahan, dan sebagainya untuk menambahkan kegiatan dan kecergasan mereka.

### Pergaulan dan Pengaruh Persekutaran

Persekutaran mempengaruhi akhlak individu dalam masyarakat di dalam erti kata ia menggalakkan perkembangan aspek yang lain. Persekutaran yang mengamalkan pengasingan nilai kerohanian daripada unsur keduniaan dan persekitaran sosio-budaya yang bersifat sekular, liberal dan materialistik. Di sini persekitaran negatif dibahagikan kepada beberapa keadaan, antaranya perkembangan pusat-pusat pelancongan ala-barat. Husain 'Ali Turkamani (1994), menjelaskan kewujudan pusat-pusat peranginan untuk menarik pelancong- pelancong asing tidak mengikut atau berlawanan dengan budaya

Melayu dan kelslaman. Percampuran bebas, bercumbuan dan pendedahan aurat yang keterlaluan di tempat-tempat rekreasi peranginan dan perkelahan, oleh pelancong-pelancong asing mudah mempengaruhi remaja mencontohi dan beraksi. Selain itu, pemujaan kepada artis barat dan ratu rock telah sampai ke tahap yang membimbangkan. Konsert-konsert 'rock' bergerak yang berbentuk 'heavy-metal', 'dangdut' dan seumpamanya seolah-olah telah menjadi lumrah bagi muda-mudi mencari ketenangan jiwa.

Fatimah Azzahra (1995), mengatakan krisis keruntuhan akhlak yang kian melanda remaja kini adalah berpunca dari sikap sesetengah remaja yang begitu dahagakan kebebasan dan bertindak mengikut emosi. Akhlak dan keperibadian mereka pula banyak bergantung kepada beberapa punca. Secara umumnya, faktor-faktor utama bagi gejala ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu faktor dalaman dan luaran. Aspek dalaman adalah menyangkut emosi individu remaja. Aspek ini merupakan sesuatu yang begitu penting pada tahap ini. Remaja yang tidak dapat menahan nafsu akan lebih mudah terpengaruh dengan desakan ke arah pergaulan yang bebas. Golongan remaja berada di dalam tahap yang keliru. Kecenderungan mencari sesuatu yang mencabar menyebabkan mereka sanggup meneroka alam yang baru. Remaja pula dari sudut psikologi akan mengalami pertumbuhan biologi. Pada peringkat inilah perasaan remaja akan beralih kepada jantina yang berlawanan jenis. Perubahan keinginan ini perlu dikawal dengan adanya pelajaran keagamaan yang telah ditanamkan semenjak kecil lagi. Bagi remaja yang mudah dibawa arus keseronokan pasti cepat terangsang hingga sanggup melakukan perbuatan-perbuatan sumbang.

Asmawati dan Norhalim (1996), menjelaskan layanan buruk ibubapa kepada anak adalah punca berlaku penyelewengan terhadap pendidikan anak-anak. Ini kerana ibu bapa adalah mereka yang paling hampir dengan anak-anak. Sememangnya telah dimaklumi bahawa ibubapa adalah pengembang kepada lahirnya masyarakat, generasi demi generasi. Jika kita lihat kepada pengertian ibu dan bapa, kedua-duanya mempunyai pengertian yang berbeza. Ibu adalah wanita yang telah berkahwin dan melahirkan anak sebagai penyambung zuriat. Manakala bapa pula adalah pasangan ibu yang telah berkahwin dan mempunyai zuriat hasil daripada perkahwinan yang sah. Ibubapa pula ialah emak dan ayah yang mengendalikan sesebuah institusi keluarga.

Tidak dinafikan juga bahawa mereka merupakan agen utama kepada pembentukan generasi yang cemerlang sebagaimana yang diidamkan, namun demikian berlaku juga sebaliknya. Sifat-sifat keperibadian ini menjadi perkara asas dalam melahirkan jiwa anak-anak remaja yang berakhlek

dengan akhlak Islamiah. Seandainya peribadi ibubapa tidak tergolong dalam peribadi Islamiah mata secara automatik ia akan tertanam dalam jiwa anak-anak remaja dan akan tergambar melalui perlakuan mereka. Seharusnya ibubapa perlu bersifat dengan sifat Rasulullah s.a.w. iaitu qudwah hasnah. Sabda Rasullah s.a.w. yang bermaksud: "Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia" (HR. Baihaqi, Imam Ahmad, al-Bazzar). Hadis menerangkan bahawa setiap individu muslim perlu bersifat dengan sifat sebagaimana yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. individu yang mampu merealisasikan sifat-sifat mulia terutamanya ibubapa akan memberi contoh yang baik kepada anak-anak remaja misalnya. Namun, tidak mustahil terdapat masalah bagi ibubapa yang mempunyai keperibadian dan sifat yang baik tetapi terpaksa berhadapan dengan anak remaja yang sudah terjebak dengan unsur-unsur yang tidak sihat atau gejala sosial.

Abdullah Nasih (2010), menjelaskan minat menonton filem-filem ganas dan seks adalah punca berlaku penyelewengan terhadap pendidikan anak-anak. Ini kerana pengaruh media cetak dan media elektronik tidak dapat diketepikan. Terlalu banyak berita yang boleh mengkhayalkan unsur negatif disiarkan di dada-dada akhbar dan majalah. Cerita sensasi berunsur seks begitu digembar-gemburkan tanpa ada tapisan. Cerita berunsur seks begitu digemari oleh pihak remaja yang sedang mengalami proses perubahan biologi. Fatimah Azzahra (1995), menerangkan mereka akan menjadi lebih cepat terangsang dan lama-kelamaan menjadi lali dengan cerita sedemikian. Filem-filem yang ditayangkan di pawagam dan televisyen sering menghidangkan babak-babak yang menghairahkan. Cerita-cerita ini pula dilakukan oleh remaja-remaja barat. Remaja pula terpengaruh dan tanpa segan silu menirunya. Che Noraini (2011), memetik dalam kertas kerja menerusi Bahagian Penyelidikan Kementerian Penerangan Malaysia (Jun 1994) yang meliputi 9.3 juta penonton televisyen berumur lebih 15 tahun mendapati 82.1% gemar menonton rancangan berbentuk tasyul, 80.7% adegan seks dan 72.8% babak ganas.

Fatimah Azzahra (1995), mengatakan media cetak dan media elektronik turut sama mengagung-agungkan pergaulan bebas di kalangan muda-mudi. Siri-siri televisyen seperti 'Beverly Hill 90210' yang begitu diminati oleh remaja negara ini banyak menonjolkan seks bebas. Artis-artis terkenal yang digambarkan dalam sesuatu majlis sebagai golongan moden dan mendapat sanjungan masyarakat begitu mendapat perhatian remaja. Artis-artis ini ditonjolkan sebagai orang yang telah berjaya di dalam hidup. Penonjolan yang kerap dan keterlaluan menyebabkan remaja merasakan cara hidup golongan ini paling sesuai diikuti.

## **Masalah Pengangguran dalam Masyarakat**

Sharifah Noor Puteh, (2011) mengatakan lazimnya seorang bapa yang tidak mempunyai pekerjaan, tidak dapat menyediakan keperluan makanan untuk keluarga dan anak-anak, keperluan asas yang lain dan sudah pastinya keluarga itu akan terdedah kepada kehancuran, dan anak-anak akan ter dorong menuju ke arah penyelewengan dan kejahatan. Berkemungkinan ketua keluarga berserta keluarga akan cuba mendapatkan duit dengan cara yang haram seperti mencuri, merompak dan sebagainya. Hal ini telah memperlihatkan kepada anak-anak kelakuan si bapa yang menganggap itu cara yang betul untuk mendapatkan duit. Maka anak-anak akan mengikuti tanpa ada halangan dari orang tuanya. Semua ini berlaku penyelewengan secara tidak langsung kepada anak-anak.

## **Sikap Kurang Prihatin Ibu Bapa Mendidik Anak**

Che Noraini (2011), menerangkan ibubapa merupakan orang pertama yang bertanggungjawab memberi pendidikan secukupnya kepada anak-anak sama ada pendidikan agama atau akademik. Oleh kerana kesibukan tugas harian dan kealpaan membahagikan masa, ramai di kalangan ibu bapa tidak dapat memberi perhatian kepada anak-anak mereka. Terdapat kalangan ibubapa gagal sebagai pembimbing serta tidak menunjukkan contoh yang baik kepada anak-anak mereka. Tidak dapat memberi keutamaan 'set priority' dalam hidup berkeluarga, kurang memberi didikan atas agama kepada anak-anak mereka, malahan menyerah tanggungjawab ini kepada pihak sekolah atan pembantu rumah semata-mata. Tidak mengambil berat tentang pencapaian akademik anak-anak mereka. Tidak mengambil tahu tentang masalah yang dihadapi oleh anak-anak mereka, contoh dengan siapa mereka berkawan, apa yang mereka lakukan selepas pulang dari sekolah dan seumpamanya. Tidak mengambil tahu aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah. Hanya mementingkan kecemerlangan akademik berbanding dengan menitikberatkan akhlak anak-anak mereka.

## **Kemewahan yang Berlebihan**

Ab. Halim Tamuri (2012), menjelaskan ada di kalangan ibu-ibu yang bekerja mencari nafkah dengan meninggalkan anak-anak kepada pengasuh atau pusat jagaan kanak-kanak. Sebagai gantian belaihan kasih sayang kepada anak-anak yang ditinggalkan itu, ibubapa cuba ganti '*compensate*' dengan mengikut

kemahuan anak-anak. Ibubapa memberikan berbagai-bagai benda yang menggembirakan hati anak-anak mereka. Anak-anak pula '*demand*' kerana tahu ibubapa mereka akan memenuhiinya. Kemewahan yang berlebihan tanpa kawalan membawa kesan buruk kepada pembentukan remaja. Sememangnya didikan yang sempurna daripada ibu bapa dapat melahirkan jiwa anak-anak khususnya yang mencintai agama, bangsa dan negara. Di sini betapa besarnya peranan oleh kedua ibubapa agar mendidik sahsiah diri anak-anak. Kecuaian ibubapa membawa padah kepada diri mereka sendiri. Dalam hal ini Rasulullah menegaskan di dalam hadis, maksudnya : "Tiap-tiap anak yang dilahirkan adalah mengikut fitrah, maka ibubapalah yang mencorakkannya sebagai Yahudi dan Nasrani." (HR: Bukhari dan Muslim, al-Baihaqi, Abu Daud, al-Tirmizi).

Hadis di atas menerangkan ibubapa adalah pencorak kepada diri anak-anak dalam membentuk keperibadian yang membina atau sebaliknya. Mereka juga merupakan pendidik utama selain guru di sekolah. Hal ini memberi faham kepada kita bahawa peranan ibubapa adalah sangat besar terhadap anak-anak. Mereka secara tidak langsung menjadikan diri mereka contoh kepada anak-anak sama ada baik atau buruk. Ibubapa juga berperanan memberikan kasih sayang dan perhatian yang sempurna kepada anak-anak. Anak-anak yang tidak mendapat kasih sayang merasakan diri mereka tersisih dan mula mendekatkan diri kepada gejala-gejala yang tidak sihat. Sememangnya peranan ibubapa amat penting bagi mewujudkan keluarga yang berlandaskan syariat Islam.

### Malapetaka Menjadi Anak Yatim

Michael (2014), menjelaskan nasib anak-anak yang menjadi anak yatim akibat kehilangan bapanya ketika masih kecil dan masih budak lagi, antara penyebab boleh berlakunya penyelewengan. Hal ini kerana mereka tidak mendapat kasih sayang dari sesiapa, tidak ada yang mengambil tahu tentang hidup mereka, mereka tidak mendapat layanan atau yang bersympati dengannya. Secara tidak langsung hidup mereka akan ter dorong untuk melakukan penyelewengan fitrah kehidupan seperti terlibat dengan jenayah, kerosakan dan sebagainya.

### PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Dalam usaha mencari pendekatan terbaik bagi mengatasi isu-isu yang dinyatakan di atas, terdapat banyak kaedah yang dikemukakan. Antaranya

Abdullah Nasih Ulwan memberikan beberapa pendekatan bagi menangani penyelewengan anak-anak.

### Peranan Baitulmal dan Pusat-pusat Zakat

Abd Halim & Mohd Saladin (2011), mengatakan zakat merupakan satu Tabungan Insurans Sosial yang mana sumbangannya hanya datang daripada orang-orang kaya. Oleh itu, tidak ada anggota masyarakat Islam yang perlu berasa bimbang tentang masalah kewangan untuk keperluan dirinya, isteri dan anak-anak kerana Tabung Insurans (Tabung Zakat) akan sentiasa menjaga kepentingan orang-orang miskin dan yang memerlukan. Dengan ini seseorang Islam tidak harus berasa bimbang apabila datangnya bencana yang tidak diduga seperti penyakit, kebakaran, banjir, muflis, kematian dan sebagainya yang mungkin membinasakan kerjayanya, memusnahkan harta atau perniagaan kerana Tabung Zakat merupakan insurans yang memberi perlindungan bagi segala risiko.

Selain itu, tujuan zakat ialah untuk mencipta perbezaan ekonomi yang adil dan saksama di kalangan orang ramai supaya orang-orang kaya tidak menjadi lebih kaya manakala orang yang miskin tidak menjadi lebih miskin. Kenyataan ini ada kaitan dengan pandangan Rasulullah s.a.w. yang menggambarkan zakat sebagai wang yang diambil daripada orang-orang miskin. Misalnya, Rasulullah s.a.w. bersabda: "Walau apa pun, kekayaan dan keselesaan yang dinikmati oleh orang-orang kaya adalah hasil keluaran daripada khidmat orang-orang miskin". (HR: Bukhari dan Muslim). Oleh itu, matlamatnya ialah untuk mengagihkan kekayaan masyarakat dengan cara yang membolehkan tidak ada umat Islam yang tertinggal dalam kemiskinan. Hal ini dapat membantu usaha merapatkan jurang perbezaan ekonomi di kalangan ahli masyarakat dengan berkesan iaitu tidak membiarkan seorang pun ahli masyarakat berada dalam kemiskinan dan kelaparan. Islam dengan syariatnya yang adil telah meletakkan asas-asas yang boleh memerangi kemiskinan. Islam juga mengiktiraf hak setiap insan untuk hidup mulia. Contohnya, ia menjamin peluang pekerjaan kepada setiap warganegara dan memberikan sumbangan bulanan daripada baitulmal kepada orang yang tidak mampu.

### Kaedah Memilih Bakal Pasangan Suami Isteri

Ahmad Ibrahim (1999) menerangkan Islam telah meletakkan kaedah yang betul dalam memilih bakal isteri. Malah terdapat juga cara yang paling afdal

dalam memilih bakal suami. Hal ini untuk mencapai hubungan baik, kasih sayang, persefahaman dan kerjasama antara suami isteri. Pemilihan wanita yang menepati ciri-ciri yang telah digariskan oleh Islam, bakal mewujudkan sebuah keluarga yang sakinah. Ini kerana wanita diolah sebagai peneman, kekasih, dan juga ibu yang bakal mendidik keturunan dan seterusnya melahirkan keluarga yang bahagia. Sebenarnya, pemilihan wanita untuk dijadikan isteri sama pentingnya dengan pemilihan lelaki sebagai suami dalam melayari hidup berumah tangga. Calon suami bukanlah dipilih secara rawak atau sesuka hati kerana matlamat perkahwinan bukanlah bersifat sementara tetapi kekal selamanya.

### **Melaksanakan Tanggungjawab Masing-masing**

Zulkifli Dahalan (2003) menjelaskan Islam dengan prinsip-prinsipnya yang bijaksana telah memerintahkan suami isteri supaya saling melaksanakan tanggungjawab bagi mengelakkan perceraian dan sebagainya. Tanggungjawab seorang isteri yang mesti dilaksanakan antaranya ialah taat kepada suaminya, memelihara dirinya dan harta suaminya, tidak menolak jika suaminya meminta untuk tidur bersamanya dan Iain-Iain. Manakala tanggungjawab seorang suami yang harus dilaksanakan adalah bermusyawarah dengan isteri mengenai hal-hal rumah, bertolak ansur terhadap beberapa kelemahan isteri lebih-lebih lagi kalau isteri mempunyai kelebihan yang boleh menutup kelemahan itu, menolong isteri membuat kerja-kerja rumah dan memberi nafkah kepada isteri dan anak-anak seperti mana firman Allah SWT: bermaksudnya:

*"Dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya"* (Surah al-Baqarah, ayat 233).

### **Pengisian Masa Lapang dengan Ibadat**

Abdul Munir Ismail (2014), menerangkan ajaran Islam dengan cara pendidikan yang lengkap sudah tentu dapat menyelesaikan masalah ini secara praktikal. Antaranya ialah melatih anak-anak dengan beribadat, khususnya sembahyang yang mana dianggap sebagai tiang agama. Kesan dari ibadat itu kanak-kanak dan remaja mendapat faedah rohani, manfaat jasmani dan kesan dari sudut akhlak serta jiwa. Selain itu, ibubapa perlu membawa mereka ke tempat-tempat bersukan seperti pusat bersenam, kolam, tapak perkelahan dan sebagainya bagi memenuhi kegiatan lapang mereka. Mereka seharusnya dibimbing supaya masa lapangnya dipenuhi dengan aktiviti seperti membaca bahan yang berfaedah, dapat menjalankan latihan

jasmani dengan baik, melaksanakan ibadah seperti sembahyang dengan rela hati dan Iain-Iain.

Mereka boleh mengisi masa lapang anak-anak dengan kegiatan-kegiatan kebaikan untuk agama, dunia dan akhirat mereka. Ibubapa perlulah membentuk anak-anak mereka menjadi generasi Islam, tentera yang gagah berani, pendakwah-pendakwah berwawasan dan muda mudi yang sentiasa berjihad. Firman Allah SWT yang bermaksud "Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu." (Surah al-Anfal, ayat 60).

#### Mengenali Rakan-rakan Anak-anak

Ajaran Islam menyuruh para pendidik terutama ibubapa supaya menjaga anak-anak mereka dengan sepenuhnya jagaan terutama mereka yang sedang meningkat remaja. Ibubapa perlu mengenali dan mengetahui dengan siapa anak-anak mereka bergaul dan berkawan. Ibubapa juga perlu tahu ke mana tempat yang mereka sering kunjungi. Islam juga menyuruh agar ibubapa memilih kawan-kawan yang baik untuk anak mereka supaya anak-anak tersebut mendapat akhlak yang mulia, adab yang tinggi dan adat-adat yang baik. Selain itu, ibu bapa digalakkan agar mengingatkan anak mereka untuk berwaspada daripada bergaul dengan kawan-kawan yang jahat supaya dapat mengelakkan mereka dari terjerumus ke lembah kejahatan atau terperangkap dalam kesesatan dan penyelewengan. Firman Allah SWT tentang peringatannya mengenai kawan-kawan yang jahat serta teman-teman yang boleh membawa kerosakan, maksudnya:"Pada hari itu sahabat-sahabat karib: setengahnya akan menjadi musuh kepada setengahnya yang lain, kecuali orang-orang yang persahabatannya berdasarkan takwa (iman dan amal salih)." ( Surah az-Zukhruf, ayat 67).

#### Mempertingkatkan Akhlak Ibu Bapa

Abdul Munir Ismail (2014), menjelaskan dalam kesibukan mengejar kehidupan dunia moden hari ini, ibubapa hendaklah menyediakan diri sebagai ibubapa yang berketerampilan. Sebenarnya persiapan ini haruslah bermula semenjak calon lelaki dan wanita bercita-cita mendirikan rumah tangga. Persiapan yang sering ditekankan dan digembar-gemburkan oleh pihak media hanyalah bersifat superfisial iaitu persiapan fizikal seperti hantaran, mas kahwin, membeli kereta, rumah dan sebagainya. Tanpa menafikan kepentingan persiapan fizikal, persiapan yang lebih penting untuk

melayari kehidupan berumah tangga seterusnya ialah persiapan mental dan emosi. Ramai pemuda dan pemudi Islam memasuki alam rumahtangga tanpa persediaan mental dan emosi yang secukupnya menyebabkan mereka tidak berkemampuan menghadapi konflik rumahtangga mengakibatkan perkahwinan dan keluarga bahagia yang diidam-idamkan berakhir dengan perceraian ataupun menyebabkan sebelah pihak mengalami penderitaan emosi dan mental. Ibu bapa seringkali lalai dari mengingati bahawa sesungguhnya segala tindak tanduk mereka menjadi tontonan dan cerminan anak-anak. Ibubapa kerap kali leka tindakan mereka di hadapan anak-anak adalah sebenarnya 'didikan' kepada anak itu sendiri.

Ini bermakna tingkah laku ibubapa yang garang, pemurah, pemaaf dan sebagainya telah mendidik anak-anak supaya bersikap dengan sikap yang serupa di mana sahaja dan dengan sesiapa sahaja mereka berinteraksi. Sebab itu, anak-anak meniru perkataan-perkataan yang baik mahupun buruk yang terhambur dari mulut ibubapa mereka. Ini juga merupakan satu cabaran yang besar kepada para ibubapa agar mereka membiasakan melatih diri dengan akhlak Islam yang mulia demi pembentukan generasi akan datang dengan berakhlak mulia. Dalam mendidik anak-anak, ibu bapa sebagai role-model kerana mereka sentiasa berhadapan dengan perwatakan yang berbagai. Seharusnya ibubapa menghiasi diri dengan akhlak yang tinggi, layanan yang baik, berbelas kasihan dan sebagainya. Firman Allah SWT yang bermaksud: "Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan keji..." (Surah an-Nahl, ayat 90).

### Melaksanakan Prinsip Metodologi Islam

Antara prinsip-prinsip metodologi ini ialah menjamin ketahanan yang menyeluruh kepada diri anak-anak serta mengelakkan kemurkaan yang Maha Berkuasa (Allah) dan kemasukan ke neraka jahanam. Firman Allah SWT yang bermaksud: "*Wahai orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka...*" (Surah at-Tahrim, ayat 6).

Prinsip metodologi seterusnya ialah perasaan tanggungjawab patut dirasai oleh mereka yang bertanggungjawab mengajar serta mendidik bagi melaksanakan tugas dan amanat sepenuhnya, untuk menuaikan ajaran Rasulullah s.a.w. Selain itu, ibubapa harus menjauhkan segala kemudarat yang boleh membawa kepada penyelewengan akidah serta akhlak mereka. Hal ini sudah menjadi wajib ke atas ibubapa menghalang anak-anak mereka

dari menonton filem-filem seks dan filem-filem jenayah yang boleh merosakkan mereka. Ibubapa wajiblah menghalang mereka dari segala apa yang boleh memudarangkan lidah mereka dan apa-apa yang menggalakkan mereka ke arah keburukan serta kejahatan.

### Melaksanakan Tanggungjawab Terhadap Negara dan Masyarakat

Abdul Munir Ismail (2014), menukilkan agama Islam telah meletakkan prinsip-prinsip keadilan dalam masyarakat serta memelihara hak individu dan masyarakat dengan memberi tanggungjawab ke atas negara dan menjadi wajib kepada negara untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada orang yang menganggur dan menjadi wajib ke atas anggota masyarakat membantunya sehingga ia mendapat pekerjaan. Jika pengangguran itu berlaku ke atas orang-orang yang malas dan tidak suka bekerja sedangkan pekerjaan ada dan dia berupaya melakukannya, mereka hidup dalam jagaan negara. Di samping itu, dia hendaklah dinasihati untuk kebaikannya. Jika dia enggan juga, dia harus dipaksa untuk melaksanakan tugasnya. Tetapi jika pengangguran disebabkan oleh kecacatan, penyakit atau keadaan terlalu tua, maka menjadi wajib ke atas negara memelihara hak-hak mereka semua dan menjamin cara hidup yang lebih baik.

### Peranan Ibu Bapa dalam Mendidik Anak

Nooraini Othman (2013), menjelaskan peranan bermakna satu kewajiban melaksanakan tugas dan tanggung jawab yang dipikul sebagai amanah yang mana hasilnya yang manis akan kita kecapi sebagai ganjaran kepada kejayaan kita. Manakala hasilnya yang pahit akan kita kecapi dan kita telan sebagai bukti kegagalan kita sendiri. Peranan ibubapa dalam membentuk generasi berilmu dan berakhhlak ke arah kecemerlangan dunia dan akhirat, tidak terbatas dalam lingkungan rumah tangga semata-mata, sedangkan di luar rumah, kita serahkan bulat-bulat kepada peranan orang lain, sedangkan dalam masa yang sama kita akan marah kalau anak kita dimarahi atau ditegur kesalahannya oleh orang lain. Tetapi peranan ibubapa itu bukan sahaja mendidik terhadap anak mereka sendiri semasa di dalam rumah dan di luar rumah malah terhadap anak-anak jiran, rakan hingga kepada sesiapa sahaja, sesuai dengan firman Allah yang terdapat dalam surah al- 'Asr yang sering kita baca, iaitu berpesan-pesan kepada (melakukan) kebenaran dan berpesan-pesan kepada (mengamalkan) sifat kesabaran, sebagai bukti kita orang yang beriman dan beramal soleh, golongan manusia yang beruntung. Manakala manusia yang bersikap sebaliknya adalah golongan orang yang rugi.

Sebenarnya agenda mentarbiah anak itu bermula sejak dari proses mencari jodoh, proses persenyawaan berlaku hingga kepada anak itu mampu berdikari bahkan sehingga anak kita itu dijemput kembali kepada Allah SWT Semasa anak-anak masih dalam lingkungan usia yang belum layak diantar untuk mengikuti pendidikan formal di kelas-kelas tadika, tabika atau taski, maka ketika itu ibubapa adalah segala-galanya buat mereka. Ibubapa adalah guru kepada mereka dalam pendidikan informal dalam institusi keluarga, yang mana anak-anak mendapat pendidikan dari ibubapa mereka secara *lisanul hal* (praktik) dan *lisanul maqal* (teori) sebagai ikutan dan contoh teladan kepada mereka. Bahkan sekalipun mereka telah mendapat pendidikan formal dari guru dalam institusi persekolahan, ibubapa masih tetap berperanan sebagai pemegang saham terbesar dalam memainkan peranan mentarbiah anak-anak mereka.

Abdul Munir Ismail (2014) menjelaskan pembentukan keperibadian mulia anak-anak bermula daripada institusi keluarga. Sesebuah keluarga dibentuk dengan peranan ibubapa masing-masing. Kebanyakan ibubapa kini yang terlalu mementingkan kerjaya sehingga menyebabkan anak-anak mereka di rumah berasa tersisih seperti anak kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan. Oleh hal yang demikian, ibu bapa haruslah mengimbangi kerjaya dan kehidupan sehari-hari mereka agar anak-anak dapat didikan yang baik dari segi fizikal dan mental. Tambahan lagi, ibu bapa haruslah memberi didikan dan asuhan yang baik sejak kecil lagi kerana melentur buluh biarlah dari rebungnya. Anak-anak tentunya dapat mengaplikasikan nilai-nilai murni dan sikap positif ini dalam kehidupan sehari-hari seterusnya membentuk sanubari yang baik. Ibu bapa merupakan uswah hasanah kepada anak-anak di rumah. Oleh itu, mereka mestilah sentiasa bersikap penyayang dan berbudi pekerti mulia.

### Tanggungjawab Saudara Mara dan Masyarakat Terhadap Anak Yatim

Agama Islam memerintahkan kepada orang-orang yang mempunyai hubungan keluarga dengan anak yatim supaya memelihara dan melayaninya dengan sebaik-baik serta menguruskan hal-hal kebajikan, mendidik dan mengajarnya supaya mereka membesar dengan akhlak -akhlak yang mulia dan terpuji. Allah berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 220 supaya memelihara anak-anak yatim:"Dan mereka bertanya lagi kepadamu (wahai Muhammad) mengenai (masalah) anak-anak yatim. Katakanlah "memperbaiki keadaan anak-anak yatim itu amatlah baiknya dan jika kamu bercampur gaul dengan mereka (maka tidak ada salahnya) kerana mereka itu

ialah saudara-saudara kamu (yang seagama)." Oleh itu, kita hendaklah memuliakan dan menyantuni anak yatim dengan memberikan bantuan berupa pendidikan, makanan, kebajikan dan sebagainya.

### Pendidikan dengan Contoh Tauladan

Pendidik atau ibubapa merupakan contoh tauladan yang paling utama sekali pada pandangan seorang anak-anak. Anak-anak akan melakukan apa yang dilihat pada kelakuan ibubapa atau pendidik itu sendiri. Islam telah menggariskan tauladan utama yang mestи dicontohi ialah Rasulullah s.a.w. sendiri. Allah SWT telah meletakkan dasar samawi yang bermukjizat kepada hamba-hambaNya, telah menghantar RasulNya yang diutus untuk menyampaikan perutusan langit kepada umat-umat di muka bumi ini supaya dia terlebih dahulu bersifat dengan kemuncak sifat kesempurnaan dari segi rohani, moral dan mental. Dengan itu Allah telah mengutus Nabi Muhammad s.a.w. sebagai "*Qudwah Hasanah*". Allah SWT telah berfirman bermaksud: "*Sesungguhnya bagi diri kamu dari Rasulullah itu contoh tauladan yang baik*" (Surah al-Ahzab, ayat 21).

Saedah Siraj (2003), menjelaskan sifat peribadi yang mulia itu dapat dilihat melalui Rasulullah s.a.w., peribadi baginda ialah peribadi Islam itu sendiri. Antara bukti peribadi mulia baginda ialah Nabi tidak pernah melakukan dosa, mahupun dosa ketika zaman jahiliyyah, seorang yang amanah, sentiasa benar, kebijaksanaan memerintah dan mampu mentadbir dengan baik. Terdapat beberapa perkara yang perlu dididik kepada anak-anak berdasarkan tauladan Rasulullah s.a.w. antaranya tauladan dalam ibadat, murah hati, merendah diri, sopan santun, kekuatan fizikal, politik, keberanian dan ketegasan. Sesungguhnya tersebarnya Islam melalui tauladan ini. Justeru, sewajarnya menjadi dalam pendidikan tauladan kepada anak-anak. Dengan cara ini pendekatan melalui tauladan sangat baik dimanfaatkan kepada anak-anak. Seorang pendidik perlulah bersikap adil dan belas kasihan terhadap anak-anak. Hal ini dapat menunjukkan tauladan yang baik kepada mereka.

### Pendidikan dengan Adat Kebiasaan

Anak adalah amanah bagi kedua orang tuanya. Hati yang suci adalah permata yang sangat mahal harganya. Jika dibiasakan dengan kejahatan dan dibiarkan seperti dibiarkannya binatang, ia akan celaka dan binasa. Seperti yang dikutip dalam wasiat Ibnu Sina tentang pendidikan anak-anak bahawa

hendaklah bersama seorang anak kecil dalam pergaulan sehari-hari, kerana anak-anak kecil yang berbudi pekerti baik, beradat kebiasaan terpuji, dan kerana anak kecil dengan anak kecil lebih membekas pengaruhnya, satu sama lain akan saling meniru terhadap apa yang mereka lihat dan perhatikan.

Roziah Chek (2000), menjelaskan manusia berada pada pendidikan dan lingkungan yang baik, maka ia akan tumbuh dalam kebaikan. Hal ini dapat kita lihat bahawa manusia manapun yang hidup lama dalam lingkungan sesat dan rosak, sehingga masyarakat telah merasakan kejahatannya lalu datang seorang soleh yang menjadi temannya sebagai pendidik berpengaruh dan berkesan, sebagai para pendakwah yang ikhlas, yang membawanya kelingkungan yang penuh dengan kemuliaan dan kebaikan, maka setelah ia hidup lama dengan dosa, maka ia menjadi seorang yang muttaqin terkemuka. Begitupula dengan dunia binatang, jika kita memelihara binatang buas, namun kerana dibiasakan, akhirnya ia menjadi jinak.

Imam Al-Ghazali berkata bahawa "anak-anak adalah amanah bagi kedua orang tuanya, dan hatinya yang suci adalah permata yang sangat mahal harganya. Kerananya, jika dibiasakan pada kebaikan dan diajarkan kebaikan kepadanya, maka ia akan tumbuh pada kebaikan tersebut, dan akan berbahagialah di dunia dan di akhirat." Sebagai pendidik, seharusnya kita mengajarkan kata-kata "*Laa llaha illallah*". Sehingga secara praktikal ini akan dapat menyediakan dan membiasakan anak agar beriman dengan sepenuh jiwa dan hatinya, bahawa tidak ada pencipta, tidak ada Tuhan kecuali Allah Yang Maha Suci. Jika pendidik mendapatkan anak didiknya mengarjakan perbuatan jahat atau berbuat dosa, seperti mencuri, atau mengeluarkan kata-kata kotor, hendaklah member nasihat yang baik lagi berhemah kepadanya bahawa ini perbuatan munkar, keji, hina dan hukumannya haram.

Jika pendidik mendapati anak didiknya mengerjakan kebaikan, atau berbuat ma'ruf, seperti sedekah atau memberikan pertolongan, hendaklah diberi galakkan dan dorongan untuk terus mengerjakannya. Berikan dorongan kepada mereka bahawa perbuatan tersebut adalah baik dan halal. Dengan demikian, perbuatan ma'ruf dan kebaikan diperkenalkan kepadanya supaya selalu melaksanakannya, sehingga menjadi kebiasaan. Oleh kerana itu, pendidikan dengan kebiasaan adalah cara berkesan dalam pendidikan, dan metode paling efektif dalam membentuk iman anak dan membetulkan akhlaknya. Tanpa diragui mendidik dan membiasakan anak sejak kecil dengan sesuatu secara positif adalah cara terbaik untuk mendatangkan hasil anak patuh arahan ibubapa.

## Pendidikan dengan Nasihat, Pemerhatian dan Bimbingan

Al-Quran telah menjelaskan nasihat dan bimbingan kepada anak-anak melalui surah Luqman ayat 13-19, surah Saba' ayat 46-49, surah Hud ayat 32-34, surah al-A'raf ayat 65-68, dan sebagainya sebagai panduan kepada umat manusia. Pendidikan melalui kaedah nasihat, pemerhatian dan bimbingan hendaklah secara tegas dan lemah lembut. Ilmu psikologi membahagikan pendekatan secara tegas dan lemah lembut kepada dua iaitu peneguhan negatif dan peneguhan positif. Siti Hajar Baharom (2008), menjelaskan cara terbaik untuk menyampaikan nasihat ialah dengan cara bercerita, bersoal jawab, memulakan nasihat dan pengajaran dengan bersumpah dengan nama Allah SWT, menyertakan senda gurau di dalam pengajaran, bercermat dalam pengajaran kerana khuatir jemu, menimbulkan perasaan kecut dan gerun dalam nasihat kepada pendengarnya, pengajaran dan nasihat dengan membuat perumpamaan, pengajaran menggayaannya dengan tangan, nasihat dan pengajaran dengan bergambar dan keterangan. Pengajaran dengan perbuatan praktikal iaitu mengambil kesempatan dari sesuatu muhasabah, pengajaran dengan mengalihkan persoalan kepada persoalan yang lebih penting dan pengajaran dengan menunjukkan benda yang diharamkan.

Abdullah Nasih Ulwan (2010), menjelaskan bahawa pendidikan dengan pemerhatian dan pengawasan bermaksud memerhatikan anak serta menemaninya dalam pembentukan akhlak, menjaga serta mendampinginya dalam pelengkapannya rohani dan sosialnya, dan sentiasa menjaga dalam hal perkembangan anak tersebut. Pemerhatian dari segi keimanan, moral, mental, ilmu pengetahuan, jasmani, kejiwaan, kemasyarakatan dan rohani. Pemerhatian segi keimanan ialah melihat amalan ibadat mereka seperti sembahyang, puasa dan Iain-Iain. Pastikan mereka tidak meninggalkan perbuatan wajib yang disuruh oleh agama.

Pemerhatian segi moral seperti perbuatan membantu orang sekeliling, bersedekah dan Iain-Iain perkara yang berunsur kebajikan. Adakah mereka hari ini melaksanakan tugas membantu ibubapa, jiran dan sebagainya agar hati mereka terdidik dengan melakukan perkara-perkara mulia. Pemerhatian segi mental dan ilmu pengetahuan sebagai contoh ibubapa melihat apakah bahan bacaan yang sering digunakan anak-anak. Selain itu, melihat pergaulan mereka bersama rakan-rakan yang bagaimana. Pemerhatian terhadap jasmani, melalui pemakanan dan kesihatan. Hal ini menunjukkan

kewajipan pendidik memberi makanan yang berkhasiat dan mengajar cara bersenam yang baik.

## PENUTUP

Berdasarkan perbincangan di atas, dirumuskan bahawa peranan ibubapa sangat penting dalam proses pembelajaran anak-anak. Ibubapa dan penjaga bertanggungjawab menentukan arah tuju pendidikan anak-anak mereka. Ini kerana diperingkat ini anak-anak mudah dilentur. Berdasarkan pandangan oleh Abdullah Nasih Ulwan dapat diungkapkan bahawa masih ramai dalam kalangan ibubapa yang tidak mengambil pendekatan yang baik dalam urusan mendidik anak-anak mereka. Justeru, pendekatan yang ditunjukkan oleh Abdullah Nasih Ulwan sangat wajar kepada semua pendidik, ibubapa mengaplikasikannya dalam menangani penyelewengan anak-anak kerana ianya sesuai, mudah dan praktikal untuk semua lapisan masyarakat.

## RUJUKAN

- Abd Halim & Mohd Saladin,(2011). ‘*Pengurusan Agihan Zakat*’, *Fiqh Zakat Malaysia*. Institut Kajian Zakat Malaysia (IKaZ), Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Ab. Halim Tamuri,(2012). *Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Dalam Sistem Pendidikan Negara: Pembangunan Remaja Muslim Di Malaysia*. Seminar Kebangsaan Transformasi Remaja Muslim (SKTRM 2012) 10-11 November, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Karim Zaidan, (2011). *Dasar-dasar Ilmu Dakwah*, jilid 1, Jakarta: Media Dakwah.
- Abdul Munir Ismail Ismail, (2014). *Dakwah Suatu Tuntutan Dalam Islam*, Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdullah Nasih Ulwan, (2010). *Pendidikan anak-anak dalam Islam*, Syed Ahmad Semait (ter), Singapore: Pustaka Nasional.
- Abu Bakar Nordin dan Ikhsan Othman, (2008). *Falsafah Pendidikan dan Kurikulum*, Tanjong Malim: Quantum Books.
- Ahmad Ibrahim (1999). *Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn Bhd.

Akta Kanak-kanak 2001,(AKta 611) dan Peraturan-Peraturan (International Law Book Services).

Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, (Akta 521) (International Law Book Service).

Aishah Hassan, (1988). *Pendekatan Islam Terhadap Pendidikan Anak-anak*, Kuala Lumpur: Pustakan Salam.

Asmawati Baharudin dan Norhalim Ibrahim, (1996). *Peranan Ibu Bapa Membentuk Anak Soleh*, Kuala Lumpur: Makruf Publisher& Distributors Sdn. Bhd.

Che Noraini bt Hashim, (2011). *Keruntuhan Akhlak Masyarakat: Punca-punca dan cara penyelesaiannya*, seminar Pemantapan Akhlak dan Moral Masyarakat Malaysia, Anjuran Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Fatimah Azzahra, (1995). *Gejala Keruntuhan Akhlak di Kalangan Remaja*, Selangor: Penerbit Pinang.

Husain 'Ali Turkamani, (1994). *Bimbingan Keluarga dan Wanita Islam*, Kuala Lumpur: Victory Agencie.

Kasmini Kassim, (1998). *Penderaan Emosi Kanak-kanak Trauma Terselindung*, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mahmood Nazar, (2005). *Psikologi Perkembangan Kanak-kanak Dalam Pengantar Psikologi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mariani Mansor, Asnarulkhadi Abu Samah, (2009). Kanak-kanak Mangsa Penderaan Fizikal. *Journal of Social Administration*, Jilid 9, 33-46.

Michael Saini, (2014). The Ecological Validity of Parent-Child Observations: A Review of Empirical Evidence Related to Custody Evaluations. *Journal of Child Custody*. Jilid 11:181–201.

Misran Rokimin, (2001). Sastera kanak-kanak dan remaja sebagai agen pembangunan. Kertas kerja *Seminar Sastera Kanak-kanak dan Remaja*. 26-27 April. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Muhamed Abu Zahrah, (1987). *Penyusunan Masyarakat di Dalam Islam* (terjemahan), Osman Haji Khalid, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri, Edisi Kedua.
- Mustafa bin Haji Daud, (1989). *Institusi Kekeluargaan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhayati Suardi, (1994). Faktor-faktor Peribadi dan Keluarga yang Berkaitan Konsep Kendiri Pelajar Remaja Daripada Keluarga Bercerai: Satu Kajian Kes, Tesis Master tidak diterbitkan, Serdang, Universiti Putra Malaysia.
- Mastura bt Zoriat, (1994). Kemiskinan Keluarga kesannya terhadap pendidikan Anak-anak; Kajian khusus di Kuala Lumpur, *Tesis Sarjana* tidak diterbitkan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nooraini Othman, (2013). *Explorasi Hubungan antara Personaliti Islamik dan Gaya Keibubapaan*. International Journal of Islamic Thought, UKM, Vol. 4, Disember.
- Roziah bt Chek, (2000). Pendidikan Iman dan Akhlak: Satu Kajian Melalui Sistem Kekeluargaan Islam di Pantai Dalam, Kuala Lumpur, *Tesis sarjana* tidak diterbitkan: Universiti Malaya.
- Rodziah Ismail, Tajuk : Setiap Kanak-Kanak Itu Adalah Anak Kita. *Every Child Is Our Child. Internet: pusatmediawanitaselangor.files.wordpress.com*. pada 16 Ogos 2014.
- Saedah Siraj, (2003). *Pendidikan Anak-anak*, Selangor: Alam Pintar Enterprise.
- Sharifah Noor Puteh, (2011). Pendekatan Bermain Dalam Pengajaran Bahasa dan Literasi Bagi Pendidikan Prasekolah, Bangi, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, Vol. 1, Bil. 2, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Ahmad Semait, (2006). *Pendidikan Anak-anak dalam Islam*, Vol. 2, Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- Siti Hajar bt Baharom, (2008). Dakwah kepada Kanak-kanak: Kajian dari Aspek Akidah dalam tarbiyah al-Awlad fi al-Islam oleh Abdullah

Nasih Ulwan. *Tesis sarjana* tidak diterbitkan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Zulkifli Dahalan, (2003). Krisis Rumahtanga Di Kalangan Pasangan Islam: Kajian terhadap kes-kes yang dilaporkan di Mahkamah Syariah Bukit Mertajam. *Academic Jurnal Esteem*, UiTM Pulau Pinang, Volume 1.